

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	1/1/2019

Capai kejayaan lebih tinggi: PM

→ Dr Mahathir
minta rakyat
jadikan 2019
dorongan
tingkat usaha

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@nstp.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad berharap kehadiran Tahun Baharu 2019 menjadi dorongan terus berusaha mencapai

kejayaan lebih tinggi.

Menerusi video dimuat naik di Facebook beliau, Perdana Menteri berharap supaya kejayaan dan kegagalan lalu dijadikan pengajaran.

"Kita sudah menempuh 2018 yang mencabar, banyak peristiwa pahit manis terjadi dalam tempoh itu. Diharap segala resolusi yang dibuat pada awal tahun lalu telah berjaya dicapai.

Dorong terus berusaha

"Saya berdoa agar segala kejayaan dan kegagalan dijadikan pengajaran. Semoga kehadiran tahun baharu ini memberi makna yang besar kepada kita semua dan memberi dorongan untuk terus

berusaha mencapai kejayaan yang lebih tinggi," katanya.

Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut mengucapkan selamat menyambut Tahun Baharu 2019 kepada semua rakyat Malaysia.

Sementara itu, **BERNAMA** melaporkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, semalam berkongsi mengenai azam Tahun Baharu 2019, iaitu untuk menjaga alam sekitar dan menjadi rakyat Malaysia yang lebih baik.

"Saya berhasrat untuk kurangkan penggunaan plastik dalam usaha menyelamatkan penyu yang kian pupus dan giat dalam kitar semula," katanya pada perutusan

tahun baharu.

Wan Azizah yang juga Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga bertekad mengekalkan gaya hidup yang lebih sihat dengan mengurangkan pengambilan gula serta makanan berkarbohidrat tinggi dan melakukan lebih banyak senaman.

Jadi rakyat Malaysia lebih baik

Katanya, dengan pengharaman merokok di kawasan awam bermula hari ini, beliau akan berwaspada daripada menjadi perokok pasif dan melindungi orang disayangi daripada bahaya itu.

"Namun, yang paling penting ialah saya bertekad untuk menjadi

rakyat Malaysia yang lebih baik," katanya.

Pada tahun ini, Wan Azizah berkata, pelbagai pencapaian dilalui antaranya pelancaran i-Suri untuk memastikan jaringan keselamatan pendapatan minimum bagi suri rumah dan penubuhan sistem *Working with Children Check*.

Selain itu, katanya mewajibkan semua jabatan dan agensi kerajaan untuk mempunyai TASKA untuk kakitangan, selain memulakan mekanisme menaikkan umur minimum perkahwinan.

"Pada 2019, semoga kita akan terus mencapai lebih banyak lagi, Insya-Allah. Semoga 2019 memenuhi impian anda," katanya.

BH - 1/1/2019 m/s: 2